



**PENGUNJUNG** tertarik dengan pelbagai jenis orkid yang dijual di Ekspo Pertanian sempena Konvokesyen Ke-39, UPM, Serdang, semalam. - UTUSAN/ABDUL NAZIR MOHAMED

# Lebih 100 jenis orkid jadi tumpuan di Ekspo Pertanian

**KUALA LUMPUR 3 Nov.** - Peminat orkid pasti tidak melepaskan peluang membeli lebih 100 jenis tanaman itu di Ekspo Pertanian yang diadakan sempena Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-39.

Ekspo yang bermula Sabtu lalu dan bakal menutup tirainya esok turut menampilkan pelbagai jenis tanaman dan hasil-hasil pertanian serta menawarkan pelbagai aktiviti menarik sepanjang lima hari program tersebut berlangsung.

Bagi peniaga orkid, **Christina Lum**, 58, lebih 100 jenis orkid daripada pelbagai jenis dijual sepanjang enam hari mengadakan jualan ekspo di UPM dan ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pihak pengunjung di samping harga jualan yang begitu murah.

"Saya menjual pelbagai jenis



**AMINAH KADIR**



**NORELY ABU BAKAR**

orkid termasuk orkid yang telah dikacukkan bagi menghasilkan satu tanaman yang lebih menarik.

"Saya telah menyertai ekspo ini lima tahun berturut-turut dan setiap tahun hasil jualan amat memberangsangkan dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penggemar orkid di luar sana," katanya ketika ditemui hari ini.

Sementara itu, seorang pengunjung, **Aminah Kadir**, 63, berkata,

orkid merupakan satu tanaman yang mudah dijaga selain tahan lama berbanding dengan tanaman hiasan yang lain malah mendapat perhatian kerana bunganya yang menarik dan unik.

"Saya seorang penggemar orkid dan sepanjang ekspo ini berlangsung, saya sudah dua kali ke sini semata-mata untuk membeli pelbagai jenis orkid dengan harga yang sangat murah," katanya.

Manakala, bagi seorang lagi pengunjung, **Norely Abu Bakar**, 70, pengalaman pertama kali menjengah ke ekspo tersebut ternyata berbaloi beliau dapat membeli pelbagai jenis orkid yang dijual dengan harga rendah.

"Saya merupakan penggemar orkid sejak kecil lagi dan setakat ini, saya telah memiliki lebih 30 jenis tanaman itu di rumah," katanya.